

SOALAN NO. : 490

**DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW
[KEPONG]**

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan cara yang berkesan untuk memastikan projek-projek pembinaan dan pembangunan dilaksanakan dengan memelihara alam sekitar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Alam Sekitar Negara 2002 merupakan strategi kerajaan untuk memulihara, menjaga dan mengurus alam sekitar dalam konteks pembangunan lestari. Dasar ini memberi panduan kepada semua pihak baik di sektor kerajaan ataupun swasta, industri, masyarakat dan lain-lain stakeholder untuk memastikan alam sekitar negara bersih, sihat dan produktif.

Rancangan Malaysia Ke-11 juga memberi perhatian kepada alam sekitar melalui komitmen yang padu terhadap pertumbuhan hijau dalam memastikan alam sekitar dan sumber asli negara kekal dipelihara dan dilindungi untuk generasi masa kini dan masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sentiasa mengambil langkah untuk memastikan sebarang aktiviti atau cadangan projek pembinaan dan pembangunan tidak memberi impak / kesan yang serius kepada alam sekitar melalui usaha-usaha berikut:

- (i) Menasihati Kerajaan Negeri, pemaju projek atau pihak berkuasa meluluskan projek supaya mengambilkira aspek alam sekitar di dalam merancang sesuatu projek pembangunan seperti kesesuaian tapak bagi cadangan sesuatu projek hendaklah ditentukan di peringkat awal

perancangan projek. Ini boleh mengelakkan lokasi projek yang dicadangkan atau dirancang itu melibatkan kawasan sensitif alam sekitar seperti hutan simpan, tapak hutan paya bakau yang diwartakan dan sebagainya.

- (ii) Menghendaki pemaju projek menjalankan kajian kesan penilaian kepada alam sekitar (EIA) yang komprehensif bagi cadangan projek pembangunan yang tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Kajian EIA yang dijalankan perlu mengambilkira skop kajian terperinci bagi isu-isu kritikal dari segi ramalan impak dan cadangan langkah kawalan yang perlu diambil oleh pemaju projek semasa pembinaan dan juga operasi.
- (iii) Semasa fasa pembinaan dan pengoperasian, aktiviti pemantauan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Laporan EIA diikuti oleh pihak pemaju projek.

Sekian, terima kasih

RT35/491

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan peruntukan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah dari 2015 hingga 2016. Apakah ada penambahan atau pengurangan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2015, peruntukan bagi sekolah rendah dan menengah adalah sebanyak RM27,887,564,189 manakala peruntukan tahun 2016 adalah sebanyak RM29,654,357,727 iaitu terdapat peningkatan peruntukan sebanyak RM1,766,793,538.

RT35/491

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**
SOALAN : **492**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peruntukan dan kemajuan sains negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah RMKe-11 *Rolling Plan* (RP) 2, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM551.4 juta bagi melaksanakan bidang teras (*core bussiness*) yang merangkumi pembangunan, perkhidmatan dan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi (STI).

Dalam hal ini, MOSTI telah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah untuk memajukan bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C). Antaranya termasuklah dengan meningkatkan perbelanjaan kasar R&D (GERD) negara dan juga melalui penyediaan kemudahan dana R,D&C.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah perbelanjaan Negara dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada tahun 2000

adalah sebanyak RM1,671.5 juta dan telah meningkat kepada RM13,971.6 juta pada tahun 2014. Manakala bagi perbelanjaan R&D berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) pada tahun 2000 adalah sebanyak 0.50% dan telah meningkat kepada 1.26% pada tahun 2014.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak RM2,896.75 juta telah diluluskan untuk membiayai 4,566 projek penyelidikan. Daripada jumlah itu, sebanyak 1,413 projek penyelidikan telah difailkan untuk paten. Selain itu, sebanyak 662 hak cipta (*copyright*) telah diperolehi, 376 produk telah diberikan cap dagang (*trade mark*) dan 49 produk lagi telah didaftarkan sebagai reka bentuk industri.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, sebanyak RM1,198.54 juta telah diluluskan untuk membiayai 1,898 projek penyelidikan. Daripada jumlah itu, sebanyak 570 projek penyelidikan telah difailkan untuk paten. Pendaftaran harta intelek juga merekodkan sebanyak 203 hak cipta (*copyright*), 64 cap dagang (*trade mark*) dan 19 reka bentuk industri.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 pula, sebanyak RM56.08 juta telah diluluskan untuk membiayai 109 projek penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kemajuan sains di Malaysia turut disokong menerusi aktiviti pengkomersialan produk/perkhidmatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang sains oleh penyelidik tempatan termasuk daripada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Penyelidikan Awam dan Swasta.

Tahun Pengkomersialan MOSTI (*MOSTI Commercialisation Year –MCY*) diperkenalkan pada tahun 2014 dan diteruskan pada tahun 2015. Seterusnya, agenda ini dilanjutkan kepada Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2016 dengan sasaran pengkomersialan 360 produk/perkhidmatan berimpak tinggi menjelang 2020.

Pada tahun 2014, sebanyak 38 produk/perkhidmatan berasaskan sains telah berjaya dikomersialkan, meliputi empat (4) Kluster iaitu Pertanian dan Perkhidmatan, Bioteknologi, Sains Perubatan dan Kesihatan, dan Sains Semula jadi.

Pada tahun 2015, sebanyak 35 produk/perkhidmatan berasaskan sains telah berjaya dikomersialkan, meliputi empat (4) Kluster iaitu Pertanian dan Perkhidmatan, Bioteknologi, Sains Perubatan dan Kesihatan, dan Sains Semula jadi.

Pada tahun 2016 pula, sebanyak 130 produk telah dikomersialkan dengan nilai pengkomersialan sebanyak RM155 juta. 84 daripadanya adalah produk/perkhidmatan berasaskan sains yang meliputi enam (6) Kluster iaitu Teknologi Industri, Sains Perubatan dan Kesihatan, Nutrasedutikal/Kosmetik, Elektrik/Elektronik dan Nanoteknologi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Robotik, dan Bioteknologi.

Dengan ini, sebanyak 156 produk/perkhidmatan berasaskan sains telah berjaya dikomersialkan menerusi platform MCY pada tahun 2014 hingga 2016.

Untuk meningkatkan lagi kemajuan sains, MOSTI dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi dan kementerian-kementerian lain sedang menggubal Pelan Tindakan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Nasional untuk mencapai nisbah 60:40 bidang STEM di kalangan pelajar dan seterusnya dalam alam pekerjaan sejajar dengan keperluan Revolusi Perindustrian Ke-4 (4IR) dan ekonomi digital (*digital economy*).

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan MOSTI dalam usaha mencipta kekayaan melalui bidang penyelidikan berteraskan sains.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW
KAWASAN : KEPONG
TARIKH : 3 OGOS 2017
NO. SOALAN : 493

SOALAN

YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan selepas Amerika menarik dari TPPA apakah kemajuan dalam usaha yang lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan penarikan diri Amerika Syarikat daripada Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) pada 23 Januari 2017, Menteri-menteri 11 negara anggota TPP telah mengarahkan Pegawai-pegawai Kanan supaya menilai beberapa pilihan untuk dipertimbangkan dalam menentukan masa depan perjanjian tersebut.

2. Susulan itu, Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan TPP pada 11 hingga 13 Julai 2017 di Hakone, Jepun telah bersetuju supaya pelaksanaan TPP tanpa penglibatan Amerika Syarikat tidak akan

merugikan mana-mana negara di samping dapat mengekalkan keseimbangan pakej perjanjian asal yang telah dipersetujui sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pada masa yang sama, Malaysia meneruskan penglibatan dalam rundingan Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang membabitkan 16 negara termasuk negara anggota ASEAN, China, Korea Selatan, Jepun, India, Australia dan New Zealand. Sehingga kini, 19 pusingan rundingan telah diadakan sejak Mei 2013 serta dua bab rundingan telah berjaya diselesaikan iaitu Kerjasama Ekonomi dan Teknikal dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Malaysia bersama dengan anggota RCEP lain komited untuk memuktamadkan rundingan menjelang penghujung tahun ini.

4. Di samping itu, Malaysia juga sedang giat berusaha untuk memulakan semula rundingan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang telah tertangguh sejak 2012 pada penghujung tahun ini. Rundingan tersebut akan dapat menyediakan platform supaya syarikat tempatan dapat menembusi pasaran strategik zon Eropah. EU juga merupakan sumber yang penting bagi pelaburan langsung asing serta pemindahan pengetahuan dan teknologi.

Sekian, terima kasih

SOALAN NO: 494

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. TAN SENG GIAW
KAWASAN : KEPONG

SOALAN:

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan projek yang dilaksanakan di bawah Kementerian dari 2015 dan 2016 dan langkah untuk menentukan semua projek berjaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) bermula Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) adalah berdasarkan 'Rolling Plan' yang mana permohonan projek Sambungan (projek-projek dalam pelaksanaan) dan projek Baharu (cadangan projek baharu) masing-masing dibuat secara tahunan.

Di bawah Kementerian Kerja Raya, sebanyak **344** projek dan **293** projek telah diluluskan pada **Tahun 2015** dan **Tahun 2016**.

Di antara pendekatan yang diambil oleh Kementerian ini bagi memastikan projek-projek yang dilaksanakan adalah berjaya dan disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- a) Pemantauan projek pembangunan secara rapi dan berterusan;
- b) Memastikan peruntukan/ aliran tunai projek sentiasa mencukupi;
- c) Isu-isu pembinaan dibincangkan dan diselesaikan secara segera;
- d) Pelaksanaan Penilaian *Outcome* oleh ICU, JPM terhadap projek-projek yang telah disiapkan;

- e) Pelaksanaan Gerbang Nilai (GN) sebagai satu amalan terbaik dalam pengurusan projek di Jabatan Kerja Raya (JKR). Ianya merupakan *check point* bagi ketersediaan setiap proses iaitu GN 1 untuk perancangan, GN 2 untuk rekabentuk, GN 3 untuk tender, dan GN 4 untuk penyerahan. JKR amat menyokong supaya sistem Gerbang Nilai (GN) dilaksanakan di semua peringkat di agensi pelaksana; dan

- f) Mewujudkan portal *Lesson Learnt* dalam sesawang Jpedia sebagai platform perkongsian ilmu di mana bahan-bahan dalam portal tersebut merangkumi pengalaman yang dimuat turun bagi projek-projek yang berjaya dan juga yang gagal.

Sekian, terima kasih.